

BAB V

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan dinyatakan semula secara ringkas tujuan kajian, kaedah kajian yang meliputi rekabentuk kajian, sampel kajian, alat kajian, tata cara pengumpulan data dan penganalisisan data. Bab ini juga akan membincangkan tentang dapatan kajian berdasarkan analisis data, membuat rumusan serta saranan atau cadangan kepada guru-guru, pihak sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri dan penyelidik-penyalidik yang akan datang berhubung kajian gangguan emosi dan penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan.

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat tahap gangguan emosi dan juga tahap penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan. Seterusnya kajian ini juga ingin melihat hubungan antara tahap gangguan emosi dengan penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan. Tujuan lain ialah untuk melihat faktor-faktor yang dominan yang mengganggu emosi pelajar remaja, perbezaan dari segi tahap gangguan emosi dan juga tahap penglibatan mereka dalam tingkah laku kenakalan berdasarkan pembolehubah jantina, etnik, tempat tinggal dan pendapatan ibu bapa. Kajian ini juga dirancang untuk mengenalpasti pembolehubah punca gangguan emosi yang menjadi penyumbang tertinggi kepada tingkah laku kenakalan remaja.

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik. Sampel kajian terdiri daripada 302 orang pelajar tingkatan empat dari empat buah sekolah di Zon Sentul, Kuala Lumpur. Pemilihan sampel dibuat secara rawak berstrata yang terdiri dari 177 orang pelajar lelaki, 123 orang pelajar perempuan, 179 orang pelajar Melayu, 75 orang pelajar Cina, 42 orang pelajar India dan 2 orang pelajar dari lain-lain bangsa. Terdapat respon dari dua sampel yang rosak, maka 300 soal selidik sahaja digunakan untuk kajian ini.

Soalan ditadbir oleh penyelidik sendiri dengan dibantu oleh kaunselor sekolah yang terlibat. Sebelum ujian ditadbir, penyelidik terlebih dahulu mendapatkan kebenaran dari Pusat Perancangan Penyelidikan Dan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga kebenaran dari Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan.

Instrumen kajian ini telah dibina sendiri oleh penyelidik bagi menjawab soalan-soalan kajian yang dirancang berdasarkan soal selidik MOONEY (1983) sebagai panduan tentang idea dan maklumat. Soal selidik mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian demografi responden, gangguan emosi dan penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan.

Ujian rintis telah dijalankan keatas 45 orang pelajar untuk menguji tahap kebolehpercayaan dan kesahan instrumen yang digunakan. Untuk memantapkan isi kandungan soal selidik, kesahan muka dan kesahan kandungan telah diuji oleh tiga orang pakar. Hasil kajian rintis mendapati nilai kolerasi koeffisien bagi setiap item dengan konstruk atau faktor-faktor adalah signifikan dan melebihi 0.30. Ini selaras dengan pandangan Abu Bakar Nordin (1987) bahawa nilai kolerasi koeffisien minimum yang diterima ialah 0.30. Ini menunjukkan bahawa item-item yang dibina adalah mempunyai kesahan dan mampu memberi gambaran yang sebenar. Indeks kebolehpercayaan keseluruhan punca penyumbang kepada gangguan emosi ialah 0.8531. Berdasarkan indeks kebolehpercayaan yang tinggi ini, penyelidik berkeyakinan bahawa instrumen ini mampu memberi jawapan yang konsisten pada bila-bila masa ujian dijalankan.

Data yang dikumpul dalam kajian diproses dengan komputer menggunakan program SPSS-Windows. Dua jenis statistik digunakan iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif menggunakan min dan sisihan lazim bagi menjawab persoalan-persoalan kajian berkaitan tahap

gangguan emosi dan tahap penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan.

Statistik inferensi yang digunakan ialah Ujian-t, ANOVA satu-hala, Kolerasi Pearson dan Regresi berganda bagi menguji hipotesis-hipotesis kajian yang dikemukakan dalam kajian ini.

5.2 Perbincangan dan Implikasi

Perbincangan hasil kajian ini akan memperlihatkan tahap gangguan emosi, tahap penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan dan faktor-faktor yang dominan yang menyumbang kepada gangguan emosi, perbezaan dari segi tahap gangguan emosi dan juga tahap penglibatan mereka dalam tingkah laku kenakalan berdasarkan pembolehubah jantina, etnik, tempat tinggal dan pendapatan ibu bapa . Hasil kajian juga memperlihatkan hubungan antara tahap gangguan emosi dengan penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan dan pembolehubah punca gangguan emosi yang menjadi penyumbang tertinggi kepada tingkah laku kenakalan remaja.

5.2.1 Tahap Gangguan Emosi Pelajar.

Hasil ujian menunjukkan semua faktor menyumbang kepada gangguan emosi dan didahului oleh faktor persekitaran iaitu faktor yang paling dominan diikuti oleh faktor akademik dan sosial, faktor peribadi dan faktor rakan sebaya.

Dapatan ini bersetujuan dengan hasil kajian yang dibuat oleh Culp, Clayman dan Culp (1995) yang menunjukkan bahawa terdapat lima masalah peribadi yang menjadi gangguan utama kepada mereka iaitu kesunyian, masalah berkaitan dengan sekolah, perasaan tidak puas hati terhadap diri sendiri, mengalami tekanan dan masalah yang berkaitan dengan rakan sebaya.

5.2.2 Perbezaan Tahap Gangguan Emosi

Perbandingan tahap gangguan emosi pelajar adalah berdasarkan jantina, etnik, tempat tinggal dan tahap pendapatan ibu bapa.

Dapatan kajian menunjukkan adanya perbezaan dalam faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah dan faktor persekitaran antara tahap gangguan emosi pelajar perempuan dengan pelajar lelaki. Pelajar perempuan menghadapi gangguan emosi lebih tinggi daripada pelajar lelaki.

Walau bagaimanpun analisis yang lebih terperinci menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap gangguan emosi bagi faktor peribadi dan faktor ibu bapa iaitu pelajar perempuan menunjukkan skor min gangguan emosi yang lebih tinggi daripada pelajar lelaki. Dapatan ini selaras dengan hasil kajian yang dibuat oleh Baron dan Joly (1988) yang menjelaskan bahawa remaja perempuan mempunyai kadar tekanan emosi yang lebih tinggi berbanding dengan remaja lelaki. Begitu juga kajian ini menyokong kajian yang dibuat oleh

Berger dan Schenchter (1989) yang mendapati remaja perempuan lebih banyak menghadapi masalah yang akan memberi lebih tekanan emosi kepada mereka.

Bagi faktor-faktor berikut; iaitu akhlak dan agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah dan persekitaran hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap gangguan emosi bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Dapatan ini dapat menyokong kajian yang dibuat oleh White (1978) di Bahamas yang menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan dalam kadar perkembangan akhlak dan moral di kalangan remaja lelaki dan perempuan. Dapatan ini juga selaras dengan hasil kajian yang dibuat oleh Spirito, Stark, Grase dan Stamoulis (1991) yang menjalankan kajian terhadap masalah remaja yang berkaitan dengan sekolah, tidak sehaluan dengan adik beradik, konflik dengan ibu bapa, dan masalah rakan sebaya. Hasil kajian beliau mendapati tidak terdapat perbezaan yang sinifikan berdasarkan pemboleh ubah umur dan jantina.

Dapatan kajian bagi pembolehubah etnik mendapati tahap gangguan emosi bagi faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah dan faktor persekitaran menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap gangguan emosi pelajar Melayu dengan pelajar Bukan Melayu. Hasil kajian menunjukkan pelajar Melayu menghadapi tahap gangguan emosi bagi keseluruhan faktor lebih tinggi daripada pelajar bukan Melayu.

Walau bagaimanpun analisis yang lebih terperinci menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap gangguan emosi berpunca dari faktor rakan sebaya, faktor akademik dan sekolah dan faktor persekitaran. Hasil kajian menunjukkan pelajar Melayu menghadapi tahap gangguan emosi yang lebih tinggi daripada pelajar bukan Melayu. Kajian ini menyokong kajian yang dibuat oleh Nor Adiah Mohamed Noor (1999) yang menjalankan kajian terhadap kaitan antara masalah yang dihadapi oleh pelajar remaja dengan pencapaian akademik. Hasil kajian beliau menunjukkan pelajar Melayu lebih kerap mengalami kesemua sebelas jenis masalah iaitu masalah kesihatan dan fizikal, kewangan dan kehidupan, sosial dan hiburan, perkahwinan dan seks, perhubungan sosial psikologikal, psikologikal, moral dan agama, keluarga dan rumah tangga, akademik dan kerjaya, penyesuaian kerja dan masalah kurikulum dan kaedah pengajaran berbanding pelajar Cina dan India.

Bagi faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga, dan faktor akhlak dan agama hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap gangguan emosi pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu. Dalam lain perkataan gangguan emosi terhadap faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga dan faktor akhlak dan agama adalah sama antara etnik. Dapatkan ini menunjukkan terdapat persamaan hasil kajian dengan etnik lain antaranya kajian yang dibuat oleh Rierdan dan Elissa (1977) yang menjalan kajian ke atas kesemua pelajar berkulit putih. Hasil kajian beliau menunjukkan faktor peribadi dan berat badan merupakan faktor-faktor kemurungan.

Gangguan emosi yang berpunca dari faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah dan faktor persekitaran didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap gangguan emosi pelajar asrama dengan bukan asrama. Hasil kajian menunjukkan pelajar asrama dan pelajar bukan asrama menghadapi tahap gangguan emosi yang sama bagi keseluruhan faktor.

Walau bagaimanpun analisis yang lebih terperinci menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi bagi faktor ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama, akademik dan sekolah dan faktor persekitaran bagi pelajar yang tinggal di asrama dan pelajar bukan asrama. Faktor ibu bapa dan keluarga menunjukkan pelajar bukan asrama lebih tinggi tahap gangguan emosi daripada pelajar yang tinggal di asrama. Dapatkan kajian ini ada perkaitan dengan dengan masalah komunikasi antara pelajar dengan ibu bapa di rumah. Hasil kajian ini menyokong kajian yang dibuat oleh Stivers (1988) yang mendapati masalah komunikasi antara golongan remaja dengan ibu bapa mereka lebih banyak memberi tekanan dan hal ini juga mempengaruhi tingkahlaku dan emosi mereka.

Bagi faktor akademik dan sekolah didapati pelajar asrama menghadapi tahap gangguan emosi lebih tinggi daripada pelajar bukan asrama. Dapatkan kajian ini mempunyai kaitan dengan peruntukan masa belajar dan membuat kerja sekolah yang panjang dan rigid di asrama berbanding dengan peruntukan masa yang lebih fleksibel bagi pelajar bukan asrama. Dapatkan kajian ini menyokong kajian yang dibuat oleh West dan Wood (1973) yang mendapati

pelajar yang menyatakan bahawa mereka yang menghabiskan banyak masa untuk membuat kerja sekolah lebih cenderung untuk mengalami tekanan emosi berbanding dengan rakan-rakan mereka yang memperuntukan masa yang sedikit.

Bagi faktor persekitaran juga didapati pelajar asrama mengalami lebih tinggi gangguan emosi berbanding dengan pelajar bukan asrama. Dapatkan kajian ini menyokong kajian yang dibuat oleh Dobson (1980) yang mendapati persekitaran sekolah yang bising dan peraturan sekolah yang terlalu ketat dan mengongkong menjadi punca gangguan emosi kepada pelajar.

Didapati gangguan emosi yang berpunca dari faktor peribadi dan rakan sebaya tidak menunjukkan perbezaan tahap gangguan antara pelajar asrama dengan pelajar bukan asrama. Ini bersesuaian dengan kajian yang dibuat oleh Zakiah Darajat (1984) dan Jamaliah Ahmad (1988) yang mendapati bahawa masalah peribadi yang dihadapi oleh pelajar remaja ialah masalah dalam bidang kerjaya. Jadi masalah ini tiada kaitan dengan tempat tinggal. Bagi faktor rakan sebaya juga didapati tiada perbezaan tahap gangguan emosi bagi pelajar asrama dengan pelajar bukan asrama. Dapatkan kajian selari dengan kajian yang dibuat oleh Bornstein dan Bruner (1970) yang mendapati remaja yang mempunyai self-esteem yang rendah sukar untuk berkawan, akhirnya terus mencari kawan yang tidak matang atau pun rakan sebaya yang sama bermasalah.

Gangguan emosi yang berpunca dari faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama, rakan sebaya, akademik dan sekolah dan faktor persekitaran menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pendapatan ibu bapa antara pendapatan rendah, sederhana dan tinggi. Hasil kajian keseluruhan faktor menunjukkan pelajar dari keluarga berpendapatan sederhana mengalami tahap gangguan emosi yang lebih tinggi dari keluarga berpendapatan rendah dan keluarga berpendapatan tinggi.

Walau bagaimanapun analisis yang lebih terperinci menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap gangguan emosi berpunca dari faktor pendapatan keluarga, faktor peribadi, faktor ibu bapa dan keluarga dan faktor akhlak dan agama. Bagi faktor peribadi hasil kajian menunjukkan pelajar dari keluarga berpendapatan rendah lebih tinggi menghadapi tahap gangguan emosi berbanding dengan pelajar dari keluarga berpendapatan tinggi. Hasil kajian ini selaras dengan kajian Holtzman (1975) yang menyatakan pelajar dari status ekonomi rendah mengalami emosi kebimbangan lebih tinggi daripada pelajar dari status ekonomi tinggi.

Bagi faktor ibu bapa hasil kajian menunjukkan pelajar dari keluarga berpendapatan rendah menghadapi tahap gangguan emosi lebih tinggi berbanding dengan pelajar dari keluarga berpendapatan sederhana dan berpendapatan tinggi.

Bagi faktor akhlak dan agama hasil kajian menunjukkan pelajar dari keluarga berpendapatan rendah menghadapi tahap gangguan emosi lebih tinggi berbanding dengan pelajar dari keluarga berpendapatan tinggi.

Bagi faktor rakan sebaya, akademik dan sekolah dan faktor persekitaran hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap gangguan emosi antara tahap pendapatan keluarga.

5.2.3 Tahap Penglibatan Pelajar Dalam Tingkahlaku Kenakalan.

Hasil ujian menunjukkan keseluruhan aspek yang melibatkan pelajar dengan tingkahlaku kenakalan berada pada tahap rendah. Namun demikian tahap rendah yang melibatkan tingkahlaku jenayah, lucah, seks dan sebagainya tidak bermakna ianya tidak serius. Hasil kajian tahap penglibatan menurut urutan didahului oleh tingkahlaku tidak mementingkan masa diikuti dengan tingkahlaku tidak kemaskan diri, tingkahlaku kurang sopan dan biadab, tingkahlaku ponteng dan lari dari rumah, tingkahlaku lucah, tingkahlaku musnah, tingkahlaku jenayah, tingkahlaku jenayah seks dan tingkahlaku tidak jujur dan menipu.

5.2.4 Perbezaan Tahap Penglibatan Pelajar Dalam tingkahlaku Kenakalan

Perbandingan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan berdasarkan pembolehubah jantina, etnik, tempat tinggal dan tahap pendapatan ibu bapa.

Perbandingan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan berdasarkan jantina mendapatkan semua aspek tingkahlaku jenayah, tingkahlaku luah, kekemasan diri, tingkahlaku tidak mementingkan masa, tingkahlaku kurang sopan dan biadab, tingkahlaku musnah, tingkahlaku tidak jujur dan menipu, ponteng dan lari dari rumah dan penglibatan dalam jenayah seks terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penglibatan pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Penglibatan pelajar lelaki dalam tingkahlaku kenakalan bagi keseluruhan aspek didapati lebih tinggi daripada pelajar perempuan. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dibuat oleh Copeland dan Hess (1995) yang mendapatkan remaja lelaki lebih cenderung melepaskan tekanan emosi mereka melalui bersikap kasar dan ganas bagi mengeluarkan perasaan marah dan mereka juga cuba menyelesaikan masalah mereka sendiri tanpa berbincang dengan sesiapa pun.

Analisis yang lebih terperinci juga menunjukkan tahap penglibatan pelajar lelaki lebih tinggi bagi semua aspek tingkahlaku kenakalan berbanding dengan pelajar perempuan. Dapatan ini selaras dengan kajian Brook, Whiteman dan Cohen (1995) yang mendapatkan remaja bersikap agresif, mengambil dadah,

mengambil alkohol dan aktiviti jenayah kerana hasil dari tingkahlaku yang bermasalah semasa kanak-kanak.

Bagi pembolehubah etnik penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan bagi keseluruhan aspek tingkahlaku jenayah, tingkahlaku lucah, kekemasan diri, tingkahlaku tidak mementingkan masa, tingkahlaku kurang sopan dan biadab, tingkahlaku musnah, tingkahlaku tidak jujur dan menipu, ponteng dan lari dari rumah dan penglibatan dalam jenayah seks menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penglibatan dalam tingkahlaku kenakalan pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu. Hasil kajian menunjukkan penglibatan pelajar Melayu bagi keseluruhan aspek kenakalan lebih tinggi daripada pelajar bukan Melayu.

Walau bagaimanpun analisis yang lebih terperinci menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan bagi aspek kekemasan diri, tidak mementingkan masa, kurang sopan dan biadab, tingkahlaku musnah dan ponteng dan lari dari rumah. Hasil kajian menunjukkan tahap penglibatan pelajar Melayu dalam tingkahlaku kenakalan lebih tinggi berbanding pelajar bukan Melayu bagi aspek kekemasan diri, tidak mementingkan masa, tingkah laku musnah, kurang sopan dan biadab dan ponteng dan lari dari rumah.

Bagi aspek tingkahlaku jenayah, tingkahlaku lucah, tidak jujur dan menipu, dan jenayah seks di dapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar Melayu dan bukan Melayu. Dapatan ini selaras dengan kajian

yang dibuat oleh Manja Mohd Ludin (1990) yang berpendapat bahawa kenakalan juwana adalah masalah universal dan merupakan fenomena antarabangsa yang dialami oleh hampir semua kaum di dunia.

Dapatan kajian bagi pembolehubah tempat tinggal mendapati penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan bagi keseluruhan aspek tingkahlaku jenayah, tingkahlaku lucah, kekemasan diri, tingkahlaku tidak mementingkan masa, tingkahlaku kurang sopan dan biadab, tingkahlaku musnah, tingkahlaku tidak jujur dan menipu, ponteng dan lari dari rumah dan penglibatan dalam jenayah seks terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar asrama dengan bukan asrama. Hasil kajian menunjukkan penglibatan pelajar asrama bagi keseluruhan aspek kenakalan lebih tinggi daripada pelajar bukan asrama.

Walau bagaimanapun analisis yang lebih terperinci menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan bagi aspek kekemasan diri, tidak mementingkan masa, kurang sopan dan biadab, tingkahlaku musnah dan ponteng dan lari dari rumah. Hasil kajian menunjukkan pelajar asrama menghadapi tahap penglibatan dalam tingkahlaku kenakalan yang lebih tinggi berbanding pelajar bukan asrama bagi semua aspek kecuali tingkahlaku musnah yang menunjukkan pelajar bukan asrama lebih tinggi. Dapatan ini selaras dengan hasil kajian Maguire (1904) yang mendapati pelajar yang tidak bermotivasi untuk belajar dan pelajar yang suka ponteng sekolah sangat mudah menjadi remaja nakal.

Bagi aspek tingkahlaku jenayah, tingkahlaku luah, tidak jujur dan menipu, dan jenayah seks di dapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar asrama dan pelajar bukan asrama.

Dapatan kajian bagi pembolehubah pendapatan keluarga mendapati penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan bagi keseluruhan aspek tingkahlaku jenayah, tingkahlaku luah, kekemasan diri, tingkahlaku tidak mementingkan masa, tingkahlaku kurang sopan dan biadab, tingkahlaku musnah, tingkahlaku tidak jujur dan menipu, ponteng dan lari dari rumah dan penglibatan dalam jenayah seks menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan antara pelajar dari pelbagai tahap pendapatan keluarga.

Walau bagaimanapun analisis yang lebih terperinci menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan bagi aspek tidak mementingkan masa. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan pelajar dari keluarga berpendapatan rendah dengan pelajar dari keluarga berpendapatan tinggi.

Bagi aspek tingkahlaku jenayah, tingkahlaku luah, kekemasan diri, kurang sopan dan biadab, tingkahlaku musnah, tidak jujur dan menipu, dan jenayah seks di dapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar dari keluarga berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi.

5.3 Kolerasi Antara Gangguan Emosi Dengan Tingkahlaku Kenakalan

Hasil ujian kolerasi menunjukkan terdapat kolerasi positif yang signifikan antara tahap gangguan emosi dengan penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan. Ini bermakna jika tahap gangguan emosi meningkat, maka penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan juga turut meningkat.

Analisis yang lebih terperinci menunjukkan terdapat kolerasi positif yang signifikan antara tahap gangguan emosi yang berpunca daripada faktor peribadi, ibu bapa dan keluarga, akhlak dan agama, rakan sebaya akademik dan sosial dan faktor persekitaran dengan penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan. Dapatkan ini selaras dengan beberapa kajian seperti kajian oleh Vaux dan Ruggiero (1983) yang mendapati tekanan emosi yang dihadapi oleh pelajar boleh mendorong pelajar melakukan jenayah seperti merosakkan harta benda orang lain, menyalahguna dadah dan mencuri. Novy dan Donohue (1985) dalam kajiannya mendapati perbuatan salah yang dilakukan oleh pelajar adalah disebabkan oleh gangguan emosi yang mereka alui. Hasil kajian Roberta dan Virginia (1997) mendapati remaja lelaki lebih agresif bila menunjukkan kemarahan manakala kajian oleh Foster dan Clark (1989) mendapati remaja yang sering dilayan seperti kanak-kanak, tidak sehaluan dengan adik beradik, tidak gembira bersama ibu bapa akan merasakan seolah-olah mereka tidak mempunyai keluarga. Konflik sebegini mempunyai kolerasi yang signifikan terhadap sikap melanggar disiplin di kalangan remaja sekolah. Begitu juga dengan kajian oleh Kvareceus (1945)

mendapati kebanyakannya perlenggaran disiplin sekolah kerana pelajar terikut-ikut dengan perlakuan yang dilihat di sekeliling mereka.

5.4 Pembolehubah Yang Menjadi Peramal Terbaik Dalam Menentukan Punca Gangguan Emosi Yang Menyumbang Kepada Tingkahlaku Kenakalan.

Hasil ujian regresi berganda menunjukkan keputusan regresi berganda langkah demi langkah "stepwise" yang melibatkan enam pembolehubah bebas ke atas pembolehubah bersandar iaitu kenakalan pelajar. Hanya dua daripada pembolehubah berkenaan telah menunjukkan kolerasi dan sumbangsan yang signifikan terhadap jumlah varians tingkahlaku kenakalan pelajar iaitu faktor akademik dan sekolah dan faktor pendapatan keluarga yang mempunyai sumbangsan sebanayak 8.2 peratus terhadap tingkahlaku kenakalan pelajar. Dapatkan kajian ini bersesuaian dengan kajian yang dibuat oleh Mayer (1965) yang mendapati kanak-kanak berkelakuan buruk kerana emosi mereka tidak tenteram. Manakala Willmott (1969) mendapati kanak-kanak melakukan jenayah kerana mereka merasa kecewa dan gagal dalam hidup.

5.5 Rumusan Kajian

Dapatan kajian ini telah memberi beberapa maklumat dan persepsi berkaitan dengan gangguan emosi dan penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan.

Populasi kajian ini ialah 300 orang pelajar tingkatan empat dari empat buah sekolah menengah dalam daerah Zon Sentul. Pelajar-pelajar terdiri daripada 177 orang pelajar perempuan dan 123 orang pelajar lelaki dengan 179 orang pelajar Melayu dan 121 orang pelajar bukan Melayu. 85 orang pelajar merupakan penghuni asrama dan 215 orang pelajar bukan penghuni asrama. Seramai 129 orang pelajar adalah dari keluarga yang pendapatan ibu bapanya rendah, 120 orang dari keluarga berpendapatan sederhana dan 51 orang dari keluarga berpendapatan tinggi.

Data yang diperolehi menunjukkan bahawa gangguan emosi pelajar pada keseluruhannya berada tahap terganggu. Punca gangguan emosi yang dominan ialah faktor persekitaran diikuti dengan faktor akademik dan sekolah, faktor peribadi dan faktor rakan sebaya. Manakala tahap penglibatan pelajar dalam tingkah laku kenakalan berada pada tahap rendah bagi semua aspek kenakalan. Tingkah laku tidak mementingkan masa merupakan yang paling kerap dilakukan oleh pelajar diikuti oleh tingkah laku tidak kemas diri, kurang sopan dan biadab, ponteng dan lari dari rumah, tingkah laku lucah, tingkah laku

musnah, tingkahlaku jenayah, tingkahlaku seks dan tingkahlaku tidak jujur dan menipu.

Perbandingan tahap gangguan emosi pelajar berdasarkan jantina didapati tahap gangguan emosi pelajar perempuan lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Perbandingan tahap gangguan emosi berdasarkan etnik didapati tahap gangguan emosi pelajar Melayu lebih tinggi daripada pelajar bukan Melayu. Perbandingan tahap gangguan emosi berdasarkan tempat tinggal didapati tahap gangguan emosi pelajar asrama lebih tinggi berbanding pelajar bukan asrama manakala perbandingan tahap gangguan emosi berdasarkan pendapatan ibu bapa didapati pelajar dari ibu bapa yang berpendapatan rendah mengalami tahap gangguan emosi lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang ibu bapanya berpendapatan sederhana dan tinggi.

Hasil perbandingan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan didapati penglibatan pelajar lelaki lebih tinggi berbanding dengan pelajar perempuan bagi keseluruhan aspek. Perbandingan tahap tingkahlaku kenakalan berdasarkan etnik menunjukkan penglibatan pelajar Melayu lebih tinggi berbanding pelajar bukan Melayu. Perbandingan tahap tingkahlaku kenakalan berdasarkan tempat tinggal didapati penglibatan pelajar asrama lebih tinggi berbanding dengan pelajar bukan asrama. Namun demikian tidak terdapat perbezaan tahap kenakalan pelajar antara pelbagai tahap pendapatan ibu bapa.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat kolerasi yang positif bagi semua faktor gangguan emosi dengan tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan. Manakala pembolehubah yang menjadi peramal terbaik dalam menentukan faktor gangguan emosi yang menyumbang kepada tingkahlaku kenakalan ialah faktor akademik dan sekolah dan faktor tahap pendapatan ibu bapa.

5.6 Cadangan

Cadangan ini merupakan pendapat pengkaji hasil dari analisa dapatan kajian. Terdapat dua bahagian iaitu cadangan untuk program pendidikan dan cadangan untuk kajian lanjutan.

5.6.1 Cadangan Untuk Program Pendidikan

Berdasarkan dapatan kajian ini semua pihak yang berkepentingan dengan pendidikan harus mengambil langkah-langkah positif untuk menilai, merancang dan mengimplemtasikan beberapa langkah kearah membantu pelajar remaja hari ini.

Keputusan kajian menunjukkan tahap gangguan emosi pelajar secara keseluruhannya adalah terganggu. Manakala faktor persekitaran, faktor akademik dan sekolah, faktor peribadi dan faktor rakan sebaya merupakan

punca-punca kepada gangguan emosi. Menyedari bahawa emosi mengawal tingkahlaku manusia tanpa disedari (Leeper, 1970), maka langkah-langkah tertentu perlu diambil oleh pihak yang bertanggung jawab seperti pengetua sekolah, kaunselor dan juga guru-guru. Program mengembalikan keceriaan sekolah, program mewujudkan iklim sekolah yang segar, kaedah pengajaran yang lebih menyeronokkan, program-program yang boleh meningkatkan kemahiran sosial dan lain-lain program yang boleh mengurangkan tekanan emosi pelajar harus dirancang dan dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan.

Hasil kajian menunjukkan penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan secara amnya adalah rendah bagi semua aspek yang dikaji. Namun demikian keadaan ini tidak bermakna tidak serius. Penglibatan pelajar dalam kes-kes serius seperti tingkahlaku jenayah 1% di peringkat sederhana dan 0.7% di peringkat tinggi, bagi kes lucah 3.7% di peringkat sederhana dan 0.7% diperingkat tinggi, bagi kes jenayah seks 1.7% di peringkat sederhana dan 0.7% di peringkat tinggi. Hasil analisis ini menunjukkan kadar tingkahlaku yang serius kerana sampel diambil secara rawak berstrata dan bukannya memilih pelajar yang mempunyai masalah disiplin. Langkah-langkah yang berkesan harus ditangani segera supaya jumlah pelajar yang terlibat dapat dikurangkan. Antara cadangan yang boleh dilakukan ialah dengan mendekati pelajar secara kawan dan sahabat supaya pihak sekolah, guru dan kaunselor dapat mengesan tingkahlaku mereka yang sebenar. Mengadakan kursus-kursus kesedaran, meningkatkan kefahaman kerohanian dan meningkatkan pengawasan terhadap pelajar oleh ibu bapa atau penjaga. Kaunselor sekolah juga dicadangkan

supaya menganjurkan kursus keibubapaan kepada ibu bapa dan masyarakat sekolahnya.

Hasil kajian menunjukkan tahap gangguan emosi pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Tahap penglibatan pelajar dalam tingkahlaku kenakalan menunjukkan pelajar lelaki lebih tinggi daripada pelajar perempuan manakala tahap kenakalan pelajar Melayu lebih tinggi daripada pelajar bukan Melayu dalam semua aspek yang dikaji. Oleh itu, langkah yang lebih berkesan harus diambil dengan memberi fokus pemulihan yang bersesuaian dengan sasaran. Pihak sekolah, guru dan kaunselor harus merancang aktiviti khusus kepada sasaran pelajar mengikut pengelasan masalah mereka.

Kesimpulannya, usaha-usaha seperti mempertingkatkan pengetahuan psikologi kepada guru-guru, kemahiran keibu bapaan kepada semua ketua-ketua keluarga dan kesedaran dari masa ke semasa terhadap para pelajar sendiri harus dibuat secara teratur dan terancang sebagai langkah permulaan membentuk pelajar dan masyarakat cemerlang.

5.6.2 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan

Tumpuan kajian ini hanya terhad kepada faktor-faktor jantina, etnik, pendapatan ibu bapa, dan tempat tinggal. Cadangan ditujukan kepada para penyelidik seterusnya untuk mengambil kira faktor-faktor lain seperti jenis

sekolah, pendidikan ibu bapa, status tempat tinggal atau lain-lain faktor yang mungkin akan memberi gambaran yang lebih jelas tentang punca-punca gangguan emosi pelajar dan juga tahap penglibatan mereka dalam tingkahlaku kenakalan. Faktor-faktor demografik yang lain seperti latar belakang keluarga, renjatan emosi masa lampau, kegagalan masa lampau atau peristiwa pahit masa lampau harus juga diberi perhatian.

Tumpuan kajian ini juga terbatas kepada mengenalpasti tahap dan perbezaan faktor-faktor gangguan emosi dan tingkahlaku kenakalan. Adalah dicadangkan supaya kajian lanjutan untuk mengenalpasti punca-punca sebenar mengapa pelajar perempuan lebih tinggi tahap gangguan emosi, mengapa pelajar lelaki lebih tinggi tahap penglibatan dalam tingkahlaku kenakalan dan mengapa pelajar Melayu lebih tinggi dalam tahap gangguan emosi dan juga tahap penglibatan dalam tingkahlaku kenakalan.

Kajian lanjutan juga harus menumpukan perhatian kepada mengenalpasti strategi-strategi mengatasi masalah gangguan emosi yang dihadapi oleh pelajar. Statistik ANOVA dua-hala dan ANOVA tiga-hala dicadangkan supaya maklumat yang lebih tepat didapati dan memudahkan untuk strategi menangani masalah.